

16/09/2000

Terima keputusan pucuk pimpinan: Najib

PEKAN, Jumaat - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, meminta semua ahli Umno negeri menumpukan tanggungjawab memulihkan parti, menjaga perpaduan serta mengelakkan perpecahan dan politik mengadu domba di antara pemimpin.

Apa yang penting, beliau berkata, semua ahli perlu memberi sokongan kepada sesiapa yang diberi kepercayaan oleh parti dan pucuk pimpinan untuk menjadi pemimpin.

"Kita harus terima hakikat dan keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kita perlu tumpukan kepada tanggungjawab terhadap parti kerana Pahang perlu bertindak bersungguh-sungguh untuk pulih dalam politik, selepas pilihan raya umum lalu," katanya.

Beliau mengulas pelantikan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Negeri menggantikan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

"Jangan mengadu-domba antara pemimpin. Kalau kita tidak terbabit dalam perkara itu, sudah tentu ia tidak menjadi," katanya.

Bagaimanapun, kata Najib, beliau percaya ahli Umno negeri akan mengutamakan perpaduan dan mengelakkan unsur yang boleh membawa masalah.

(END)